

UMS jalin kolaborasi dengan institusi pendidikan di Wilayah Hunan China

NST 20.1.2019 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkolaborasi dengan dua institusi pendidikan di Wilayah Hunan China selepas menandatangani dokumen Surat Niat dalam satu majlis di sini, Selasa lepas.

Institusi tersebut adalah Changsha Social Work College dan Hunan Industry Polytechnic.

UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Rasid Mail, manakala Changsha Social Work College diwakili Timbalan Presidennya Prof Li Ke dan

Hunan Industry Polytechnic diwakili Timbalan Presiden Prof Zhou Mengshun.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Hunan China Wang Guishu mengetuai delegasi itu yang turut disertai wakil dari Changsha University of Science.

Majlis menandatangani dokumen turut disaksikan oleh Naib

Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Timbalan Presiden Changsha University of Science and Technology Prof Jiang Changbo.

Dalam satu kenyataan di sini, kelmarin, Yap berkata melalui kolaborasi tersebut UMS dan kedua-dua institusi itu akan

bekerjasama dalam aktiviti pertukaran kepakaran, penyelidikan, ahli akademik dan pelajar, selain bertukar hasil penyelidikan dan bahan penerbitan dan menjalankan penyelidikan bersama.

Kolaborasi itu juga membabitkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta terlibat dalam penyertaan persidangan, simposium dan bengkel latihan, katanya. -Bernama